

24/07/1998

Belum gubal akta guna pelabuhan tempatan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan masih belum berhasrat menggubal undang-undang khusus bagi mewajibkan pengeksport Malaysia menggunakan semua pelabuhan dalam negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan peraturan terbabit mungkin diluluskan, jika keadaan memerlukan.

"Jika perlu saja, tetapi buat masa sekarang kita belum lagi memulakan proses itu," katanya kepada pemberita selepas berdialog dengan syarikat pengeksport Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, ketua pegawai eksekutif syarikat yang menghadiri dialog itu menyambut baik saranan kerajaan supaya menggunakan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama negara.

"Mereka menerima baik Pelabuhan Klang. Walaupun ia akan memakan masa sedikit kerana ini bermakna terpaksa membuat pertukaran daripada cara yang mereka sudah amalkan," katanya.

(END)